

## Dana Bantuan COVID-19 dan Langkah Khas Ikhlas

Sun Life Malaysia amat komited untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan para Pelanggan kami. Sehubungan itu, kami telah memperluaskan lagi sokongan kami kepada para Pelanggan yang terjejas akibat COVID-19 melalui penubuhan Dana Bantuan bernilai RM1 juta. Ini adalah tambahan kepada langkah-langkah khas yang telah kami perkenalkan pada Februari 2020.

Butiran-butiran mengenainya boleh diperolehi di bawah.

### Dana Bantuan COVID-19<sup>1</sup>

Untuk menyediakan perlindungan terbaik kepada para Pelanggan kami, Dana Bantuan ini akan menawarkan manfaat-manfaat tambahan bagi membantu mereka yang didiagnosis COVID-19 tanpa sebarang caj tambahan. Di bawah adalah manfaat-manfaat yang disediakan dari 18 Mac hingga 30 Jun 2020<sup>1</sup>:

- 1) Manfaat Tunai Khas sebanyak RM5,000 kepada orang yang diinsuranskan / orang yang dilindungi apabila didiagnosis COVID-19 (dibayar sekali sahaja).
- 2) Manfaat Ihsan Khas<sup>2</sup> sebanyak RM7,500 apabila berlaku kematian kepada ahli keluarga terdekat akibat COVID-19.
- 3) Manfaat Kematian Khas sebanyak RM7,500 apabila berlaku kematian atas orang yang diinsuranskan / orang yang dilindungi akibat COVID-19; atau
- 4) Manfaat Kematian Khas sebanyak RM15,000 apabila berlaku kematian akibat COVID-19 bagi orang yang diinsuranskan / orang yang dilindungi yang bertugas dalam sektor perkhidmatan penting<sup>3</sup> semasa Perintah Kawalan Pergerakan.

#### Nota-nota

- Manfaat-manfaat di atas adalah untuk semua orang yang diinsuranskan/orang yang dilindungi di bawah polisi/sijil Sun Life Malaysia yang sedang berkuatkuasa.
  - Layak untuk para pelanggan baru dan sedia ada
  - Tiada tempoh menunggu untuk manfaat-manfaat ini tetapi klausa keadaan sedia ada masih berkuat kuasa.
- <sup>1</sup> Tersedia dari 18 Mac hingga 30 Jun 2020 atau sehingga Dana Bantuan telah dituntut sepenuhnya, yang mana lebih dahulu.
- <sup>2</sup> Berkenaan untuk ahli keluarga terdekat (suami/isteri & anak-anak di bawah umur 18 tahun) orang yang diinsuranskan/orang yang dilindungi
- <sup>3</sup> Industri: Kakitangan Perubatan, Pejabat Penting Kerajaan, Kakitangan Lapangan Terbang, Makanan dan Logistik.

### Langkah Khas Ikhlas (*diperkenalkan pada Feb 2020*)

- 1) Perlindungan perubatan tambahan untuk para Pelanggan yang dimasukkan ke hospital dan rawatan akibat didagnosis menghidap COVID-19.
- 2) Perlindungan dan manfaat-manfaat polisi/kontrak yang berterusan untuk mereka yang dimasukkan ke hospital dan rawatan akibat dikuarantin mengikut undang-undang.
- 3) Pengecualian tempoh menunggu 30-hari untuk membolehkan anda menikmati manfaat-manfaat polisi/kontrak\* hospital & pembedahan individu dengan serta-merta.
- 4) Perlindungan untuk semua rawatan pesakit luar bagi polisi/kontrak\* hospital dan pembedahan individu anda di mana-mana klinik/hospital berdaftar apabila diagnosis disahkan.
- 5) Pemprosesan tuntutan dipercepatkan bagi kes-kes COVID-19
- 6) Pengecualian faedah untuk pinjaman premium automatik

Untuk sebarang pertanyaan, sila e-mel ke [wecare@sunlifemalaysia.com](mailto:wecare@sunlifemalaysia.com).

#### Nota-nota

- Langkah-langkah di atas juga tertakluk kepada terma dan syarat polisi/kontrak anda dengan Sun Life Malaysia.
  - Tidak berkenaan untuk para Pelanggan yang disahkan diagnosis COVID-19 sebelum permohonan produk-produk hospital & pembedahan individu.
- \* Senarai produk-produk hospital & pembedahan individu yang layak: Hospitalisation & Surgical Benefit Rider / Hospitalisation & Surgical Benefit Plus Rider / Takaful Hospitalisation & Surgical Benefit Rider / Prime Medi Care-i / Sinar MediXtra / Sun MaxiMed-i / Sun MediMax-i